

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>



**ANALISIS KETAKSAAN HOMONIM DALAM BUKU TEKS
BAHASA MELAYU(BM) SEKOLAH KEBANGSAAN MURID
TAHUN LIMA BERDASARKAN TEORI
SEMANTIK KOGNITIF**

*ANALYSIS OF HOMONYM AMBIGUITY IN MALAY LANGUAGE (PRIMARY
SCHOOL) TEXTBOOKS FOR FIFTH-YEAR STUDENTS BASED ON
COGNITIVE SEMANTIC THEORY*

Farizah Hashim^{1*}, Nur Farahkhanna Mohd Rusli²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



farizah523870@gmail.com



<https://orcid.org/0000-0002-8095-6269>

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



farahkhanna@fbk.upsi.edu.my



<https://orcid.org/0000-0002-4867-7569>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.01.2026

Revised date: 19.01.2026

Accepted date: 02.02.2026

Published date: 06.03.2026

To cite this document:

Hashim, F., & Mohd Rusli, N. F. (2026). Analisis Ketaksan Homonim Dalam Buku Teks Bahasa Melayu (Bm) Sekolah Kebangsaan Murid Tahun Lima Berdasarkan Teori Semantik Kognitif. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(62), 495-513.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menganalisis kefahaman makna tiga leksikal homonim yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Murid Tahun Lima berdasarkan Teori Semantik Kognitif. Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Responden merupakan sembilan orang murid tahun lima berbangsa Melayu di sebuah sekolah rendah dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan Teori Semantik Kognitif yang merangkumi konsep *trajektor* (TR) dan *landmark* (LM), kerangka jaringan radial serta skema imej Lakoff (1987). Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap tiga leksikal homonim, iaitu (i) raut, (ii) laras, dan (iii) kelim adalah sederhana. Dapatan menunjukkan responden kerap menggunakan makna pinggir baharu (MPB) yang bersifat abstrak berbanding makna teras (MT) yang konkrit. Perluasan makna berlaku secara sistematik daripada domain konkrit kepada abstrak melalui proses metafora yang berlandaskan pengalaman badaniah. Faktor persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama yang mendorong murid mentafsir makna leksikal homonim berdasarkan konteks sosial dan keperluan komunikasi semasa. Implikasinya, kajian

ini mengetengahkan faktor-faktor kognitif yang mempengaruhi tafsiran makna homonim serta memberi sumbangan kepada perkembangan teori semantik, institusi bahasa, penggubal dasar dan amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Bahasa Melayu (BM).

DOI:10.35631/IJEPC.1162031

Kata Kunci:

Analisis Kefahaman; Bahasa Melayu; Homonim; *Landmark*; Murid Tahun Lima; Teori Semantik Kognitif; *Trajektor*.

Abstract:

This study aims to analyze the understanding of the meaning of three homonymous lexemes found in the Year Five Malay Language National School Student Textbook based on Cognitive Semantic Theory. Research data was obtained through library research and document analysis methods. Informants were nine Malay Year Five students at a primary school in the district of Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The findings were analyzed based on Cognitive Semantic Theory, which includes the concepts of trajector (TR) and landmark (LM), radial network framework, and Lakoff's (1987) image schema. The results show that the students' level of understanding of the three homonymous lexemes, namely (i) raut, (ii) laras, and (iii) kelam, is moderate. The findings indicate that informants frequently used new peripheral meanings which are abstract, compared to concrete core meanings. Semantic extension occurred systematically from concrete to abstract domains through a metaphorical process based on embodied experience. Physical environmental factors, assumptions, and personal experiences were the main factors influencing students to interpret the meaning of homonymous lexemes based on social context and current communication needs. The implication is that this study highlights the cognitive factors that influence the interpretation of homonymous meanings and contributes to the advancement of semantic theory, language policy development, and the teaching and learning practices of the Malay Language.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Keyword:

Cognitive Semantic Theory; Homonyms; Landmark; Malay Language; Trejactor; Understanding Analysis; Year Five Students.

Pendahuluan

Ketaksaan merupakan suatu fenomena linguistik yang berlaku dalam pelbagai manifestasi. Ketaksaan atau kesamaran berlaku apabila setiap bentuk lisan atau tulisan mempunyai dua atau lebih interpretasi (Muhammad Saibani Wiyanto, 2022). Dalam konteks pedagogi dan pengurusan kelas di institusi pendidikan, kemampuan untuk memahami, menguasai

perbendaharaan kata, serta menggunakan bahasa Melayu secara efektif semasa sesi pembelajaran atau kehidupan seharian dapat mencegah berlakunya salah faham yang timbul daripada kesamaran atau ketaksaan. Menurut Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), ketaksaan merupakan suatu bentuk kesamaran, kekeliruan dalam bentuk kata, frasa, atau ayat yang menimbulkan satu atau lebih makna bergantung kepada konteks penggunaannya. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan kepada ketaksaan yang disebabkan oleh unsur homonim.

Kajian ini meneliti leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Murid Tahun Lima dengan merujuk kepada Teori Semantik Kognitif. Menurut Reem Ibrahim Rabadi (2015), homonim merupakan isu kritikal yang mencetuskan kesamaran kerana membawa kepada salah faham yang ketara terhadap mesej yang disampaikan serta menyumbang kepada pengembangan makna dan sebutan. Homonim merupakan punca utama kesamaran yang lazimnya memberikan cabaran serius kepada pelajar. Ketaksaan yang berpunca daripada unsur homonim akan memberi impak kepada aspek penguasaan makna kata. Menurut Muhamad Naufal Badarudin, Harun Baharudin, dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021), tanpa penguasaan makna yang kukuh, penguasaan bahasa pelajar akan terhad.

Objektif Kajian

Makalah ini bertujuan mencapai dua objektif yang berikut:

Mengenal pasti leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Murid Tahun Lima berdasarkan Teori Semantik Kognitif
Menghurai leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Murid Tahun Lima berdasarkan Teori Semantik Kognitif

Sorotan Kajian

Penyelidikan berkaitan ketaksaan makna kerap menjadi fokus pengkaji dalam domain semantik yang merentas pelbagai bahasa. Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) menyelidiki ketaksaan leksikal dalam dialog masyarakat peniaga Terengganu dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986), mendapati bahawa komuniti tersebut cenderung menggunakan unsur ketaksaan secara spontan, khususnya kekaburan dalam penggunaan kata ganti 'dia' untuk objek tidak bernyawa. Erik Santoso (2020) pula menganalisis ketaksaan dalam akhbar Suara Merdeka berbahasa Indonesia, telah menemui bahawa 50 peratus tajuk mengandungi ketaksaan gramatikal, manakala 50 peratus lagi melibatkan ketaksaan leksikal. Penemuan ini mengesahkan pandangan Ullman (2007) bahawa makna berganda boleh timbul daripada faktor gramatikal dalam struktur ayat yang mencetuskan kekaburan pemahaman.

Dalam konteks homonim, kajian antarabangsa oleh Maria Kaltsa dan Despina Papadopoulou (2023) menyelidiki penyelesaian kekaburan leksikal dalam kalangan kanak-kanak dwibahasa berusia 10 hingga 12 tahun yang menggunakan bahasa Albania dan Yunani, dengan menilai secara sistematik kesan konteks ayat terhadap pengaktifan makna homonim. Reem Ibrahim Rabadi (2015) mengkaji impak homonim terhadap terjemahan pelajar di Universiti Jordan, mengenal pasti homonim sebagai punca utama kekaburan leksikal yang menimbulkan halangan komunikasi dan kesukaran bagi penutur bahasa ibunda. Beliau menekankan bahawa penyelidikan mendalam tentang kesan homonim dapat menjelaskan kesilapan linguistik pelajar

dan menyokong perancangan kurikulum untuk mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Caitlin A. Rice et al. (2018) membandingkan anggaran kekerapan makna homonim daripada korpus filem dan televisyen, mendapati bahawa kesan kekaburan memberikan impak kepada pemahaman aspek leksikal. Penemuan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa homonim merupakan isu universal yang mampu mencetuskan ketaksaan makna dan menjejaskan prestasi pelajar.

Metodologi

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif berasaskan kajian kes, yang dilaksanakan untuk menghuraikan pemahaman responden terhadap leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Tahun Lima, dengan merujuk kepada Teori Semantik Kognitif. Dua kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kaedah kepustakaan melibatkan rujukan kepada sumber-sumber bertulis seperti buku, jurnal, tesis, dan lain-lain untuk mengenal pasti jurang dan isu-isu yang berkaitan dengan skop penyelidikan. Proses pengenalpastian homonim dalam buku teks yang dikaji telah disaring berdasarkan tema, unit, dan halaman. Fokus pencarian leksikal homonim tertumpu kepada petikan pemahaman yang terdapat dalam buku teks tersebut. Tiga leksikal homonim telah dikenal pasti, iaitu (i) raut, (ii) laras, dan (iii) kelam. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dilakukan dengan menyediakan lembaran kerja kepada responden yang terlibat. Informan diminta memberikan makna perkataan bagi homonim yang telah dikenal pasti serta membina ayat berdasarkan perkataan tersebut.

Pemahaman responden terhadap homonim yang disenaraikan dianalisis menggunakan Teori Semantik Kognitif. Hasil jawapan dihurai berdasarkan kerangka jaringan radial. Kerangka jaringan radial menggambarkan hubungan antara makna teras (prototaip) dengan makna-makna pinggir yang berkembang daripadanya melalui proses kognitif. Kerangka ini menjelaskan bahawa makna sesuatu perkataan bukan bersifat statik, tetapi membentuk suatu jaringan yang kompleks dan dinamik. Pemahaman tentang struktur jaringan radial berfungsi untuk menerangkan manusia memproses dan mengembangkan makna dalam bahasa secara semula jadi dan bermakna.


Selanjutnya, pemilihan responden menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Mereka terdiri daripada sembilan orang murid tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Kuala Pilah. Pemilihan sekolah tersebut dibuat berdasarkan pertimbangan bahawa responden yang terlibat mempunyai latar belakang pencapaian yang berbeza. Keadaan ini membolehkan pemerolehan data yang lebih menyeluruh dan mewakili pelbagai tahap keupayaan murid. Selain itu, kerjasama yang baik daripada pihak sekolah amat membantu penyelidik untuk mendapatkan akses kepada populasi murid dalam pelbagai kumpulan umur, yang menjadi subjek kajian pendidikan. Sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan, etika penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai peserta kajian telah dipatuhi dengan mengelak daripada menyoal atau menyentuh isu-isu sensitif seperti perkauman dan keagamaan, serta merahsiakan nama responden yang terlibat dalam kajian bagi menjaga sensitiviti peserta.

Analisis Dan Perbincangan

Bahagian ini menghuraikan tiga leksikal homonim yang terdapat dalam petikan pemahaman Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan murid tahun lima berdasarkan Teori

Semantik Kognitif yang berlandaskan kepada konsep *trajektor* (TR) dan *landmark* (LM), dan skema imej.

Leksikal “Raut”



Rajah 1. Kerangka Jaringan Radial “raut”

Rajah 1 menggambarkan proses perluasan semantik bagi leksikal "raut", yang bermula daripada makna teras (MT) dan berkembang ke arah makna pinggiran baharu (MPB). Berdasarkan rajah tersebut, makna teras "raut" terletak dalam domain alat atau perkakas, merujuk kepada sejenis pisau khas yang tajam, digunakan untuk melicinkan, menajamkan, atau menghaluskan rotan. Proses perluasan semantik seterusnya membawa kepada makna pinggiran (MP), yang terbahagi kepada dua domain berbeza. P1 termasuk dalam domain fizikal, merujuk kepada badan (bentuk sikap), tubuh (muka, wajah, tampang), manakala P2 tergolong dalam domain fauna, merujuk kepada sejenis burung, iaitu burung kendi atau nama saintifiknya *Numenius*.

Selanjutnya, makna pinggiran baharu (MPB) dibahagikan kepada dua domain, iaitu domain persamaan (B1), yang membawa makna serupa atau sama, serta domain tindakan (B2), yang membawa makna kupas. Apabila dibandingkan, domain makna teras bersifat lebih konkrit kerana merujuk kepada objek fizikal, iaitu sejenis pisau, sedangkan domain makna pinggiran telah mengalami perluasan semantik yang meliputi domain fizikal dan fauna. Domain makna pinggiran baharu pula menunjukkan perkembangan yang lebih abstrak melalui domain persamaan dan lebih dinamik melalui domain tindakan. Hubungan antara MT, MP, dan MPB digambarkan dengan garis putus-putus, yang menandakan proses perluasan makna yang berlaku secara beransur-ansur dalam penggunaan perkataan "raut" dalam bahasa Melayu. Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal “raut” dengan makna yang difahami oleh responden:

Jadual 1. Tafsiran Leksikal “raut” Berdasarkan Kefahaman Peserta Kajian

Peserta Kajian (PK)	Makna yang difahami	Pemahaman Makna “raut”	Makna Pinggiran Baharu
PK1	serupa	Ibu saya raut dengan pelakon itu.	serupa
PK2	serupa	Mak saya raut sama macam orang itu.	serupa
PK3	kupas	Ayah sedang raut kelapa dan membawa ke rumah.	kupas
PK4	sama	Raut wajah penyanyi itu sama seperti mak cik saya.	sama
PK5	rupa	Raut mak saya serupa macam oarang itu.	
PK6	serupa	Raut wajah kawan saya serupa dengan cousin saya.	serupa
PK7	sama	Raut wajah mak sama dengan adik saya.	sama
PK8	serupa	Raut wajah artis itu serupa dengan wajah adik saya.	serupa
PK9	sama	Raut wajah pak cik itu sama dengan ayah saya.	sama

Berdasarkan Jadual 1, interpretasi makna "raut" berasal daripada makna pinggiran baharu (MPB) yang melibatkan domain persamaan dan tindakan, walaupun ayat-ayat yang dibina dikaitkan dengan wajah sebagaimana definisi P1. Selanjutnya, interpretasi makna "raut" dalam domain persamaan dianalisis melalui konsep *trajektor* (TR) dan *landmark* (LM). Dalam konteks ayat-ayat tersebut, TR merujuk kepada entiti yang dibandingkan (subjek), sementara LM merupakan entiti yang menjadi rujukan perbandingan. Sebagai contoh, dalam data PK1 "*Ibu saya raut dengan pelakon itu*", "ibu" berperanan sebagai TR, manakala "pelakon" bertindak sebagai LM dalam hubungan persamaan yang dinyatakan. Pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan perkataan "wajah" sering muncul bersama "raut" dalam konteks persamaan (seperti dalam PK4, PK6, PK7, PK8, dan PK9). Hal ini menandakan hubungan semantik yang erat antara domain persamaan dengan domain fizikal (P1), yang merujuk kepada muka atau wajah. Penggunaan "raut" sebagai penanda persamaan tidak terpisah daripada aspek fizikal, khususnya wajah. Pemahaman ini menjelaskan perluasan semantik mengekalkan hubungan dengan makna pinggiran asal (P1).

Selain itu, struktur ayat menunjukkan pola yang konsisten, iaitu "raut" digunakan bersama kata penguat persamaan seperti "serupa", "sama", atau "macam". Ini memperkukuhkan fungsi "raut" sebagai penanda persamaan dalam domain tersebut. Hubungan TR-LM dalam konteks ini kerap melibatkan perbandingan antara ahli keluarga (seperti ibu, mak, adik, ayah) dengan individu lain, sama ada yang dikenali (*cousin*, pak cik) atau figura awam (pelakon, artis, penyanyi). Penggunaan ini menunjukkan bagaimana "raut" telah berkembang daripada makna konkrit (pisau) kepada makna yang lebih abstrak dalam menyatakan persamaan, terutamanya dalam konteks persamaan rupa atau wajah. Berikut adalah analisis yang melibatkan data daripada PK3, yang berkaitan dengan domain tindakan:


PK3: *Ayah sedang raut (kupas) kelapa dan membawa ke rumah.*

Dalam konteks ayat PK3, "ayah" berperanan sebagai TR utama yang melaksanakan tindakan mengupas, manakala "kelapa" bertindak sebagai LM yang menerima tindakan tersebut. Hubungan TR-LM ini menunjukkan interaksi fizikal, kerana TR (ayah) melaksanakan tindakan mengupas terhadap LM (kelapa). Penggunaan "raut" dalam konteks ini menunjukkan perluasan

semantik daripada makna teras (MT), yang merujuk kepada pisau khas untuk melicinkan rotan, kepada makna baharu yang merujuk kepada tindakan mengupas. Walaupun makna telah berubah, masih terdapat perkaitan dengan makna teras kerana kedua-duanya melibatkan tindakan membuang lapisan luar sesuatu objek menggunakan alat tajam. Dalam kes ini, TR (ayah) menggunakan alat untuk membuang kulit kelapa (LM), serupa dengan konsep asal "raut" yang digunakan untuk melicinkan permukaan rotan.


Berdasarkan analisis TR dan LM yang telah dibincangkan, skema imej PENGHUBUNG merupakan skema utama yang mengikat perluasan makna "raut" dalam pelbagai domain. Dalam konteks ini, skema imej PENGHUBUNG dapat diperhatikan melalui interaksi antara TR dan LM dalam setiap penggunaan perkataan "raut". Lakoff (1987) menekankan bahawa skema imej tersebut menjelaskan bahawa satu entiti berkaitan dengan entiti yang lain, sama ada secara fizikal atau abstrak. Dalam domain persamaan, skema imej PENGHUBUNG dikesan melalui perkaitan antara dua entiti yang dibandingkan. Contohnya, dalam ayat "Ibu saya raut dengan pelakon itu", TR (ibu) mempunyai hubungan persamaan dengan LM (pelakon). Skema ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan "raut wajah", yang menunjukkan hubungan persamaan khusus dalam aspek fizikal. Hubungan ini bukan sahaja menggambarkan persamaan fizikal, tetapi juga mencerminkan bahawa minda manusia mengkonseptualisasikan perbandingan antara dua entiti menggunakan pengalaman konkrit tentang melihat dan membandingkan rupa atau wajah.

Dalam domain tindakan pula, skema imej PENGHUBUNG dimanifestasikan melalui interaksi fizikal antara TR dan LM. Dalam contoh "Ayah sedang raut kelapa", skema ini menunjukkan hubungan tindakan TR (ayah) melaksanakan tindakan terhadap LM (kelapa). Hubungan ini juga berkaitan dengan makna teras "raut" sebagai alat yang digunakan untuk mengubah permukaan sesuatu objek. Perluasan makna daripada domain alat atau perkakas kepada domain tindakan dan persamaan menunjukkan skema imej PENGHUBUNG membolehkan pemahaman abstrak berkembang daripada pengalaman konkrit, selaras dengan prinsip yang dikemukakan oleh Lakoff (1987) tentang peranan pengalaman badaniah dalam pembentukan makna. Berikut ialah profil skema imej PENGHUBUNG untuk "raut".



Rajah 2. Skema Imej PENGHUBUNG

Rajah 2 mengilustrasikan skema imej PENGHUBUNG bagi leksem "raut" dalam dua domain utama, iaitu domain persamaan dan domain tindakan. Dalam domain persamaan, hubungan antara trajektor (TR) dan landmark (LM) digambarkan melalui garis putus-putus, yang menandakan hubungan persamaan yang bersifat abstrak, sebagaimana dalam contoh "ibu raut dengan pelakon". Garis putus-putus ini mencerminkan sifat perbandingan yang tidak melibatkan interaksi fizikal secara langsung, tetapi lebih tertumpu kepada persamaan ciri-ciri yang dapat diperhatikan. Sebaliknya, dalam domain tindakan, hubungan antara TR dan LM digambarkan dengan garis padu, yang menandakan hubungan fizikal secara langsung, seperti dalam contoh "ayah raut kelapa". Garis padu ini menggambarkan tindakan konkrit yang dilaksanakan oleh TR terhadap LM. Kedua-dua domain tersebut dihubungkan oleh leksikal "RAUT", yang berfungsi sebagai penghubung antara TR dan LM, menunjukkan skema imej PENGHUBUNG beroperasi dalam konteks penggunaan yang berbeza ini.

Leksikal “Laras”**Rajah 3. Kerangka Jaringan Radial “laras”**

Rajah 3 menggambarkan pemetaan semantik bagi kata "laras", yang diklasifikasikan ke dalam pelbagai domain. Domain makna teras (MT) merujuk kepada urutan nada dalam muzik serta aspek sosial-kognitif seperti gaya, corak, keadaan, dan tingkah laku. Domain ini diwakili oleh T1 (domain muzik) dan T2 (domain sosial-kognitif), sementara domain makna pinggiran (MP) meliputi empat domain utama, iaitu domain geometri (P1), domain senjata api (P2), domain penjodoh bilangan (P3), dan domain politik (P4). Semua domain ini menunjukkan proses perluasan makna daripada makna teras kepada makna yang lebih spesifik dalam bidang-bidang tertentu.

Perbandingan antara domain makna teras (MT), makna pinggiran (MP), dan makna pinggiran baharu (MPB) mendedahkan bahawa MT mewakili makna asas yang bersifat umum dan mudah difahami, manakala MP merujuk kepada makna yang telah mengalami perluasan semantik namun masih mengekalkan kaitan dengan makna teras. Sebaliknya, MPB menunjukkan makna yang lebih teknikal dan praktikal (B1: masukkan), yang telah mengalami perubahan yang lebih jauh daripada makna asalnya. Hal ini menggambarkan evolusi semantik daripada makna teras kepada makna yang lebih spesifik dan teknikal, sebagaimana yang diilustrasikan oleh anak panah putus-putus dalam rajah berkenaan. Jadual 2 yang berikutnya memaparkan data daripada peserta kajian, yang menunjukkan tahap kefahaman mereka terhadap makna kata "laras".

Jadual 2 .Tafsiran Leksikal “laras” Berdasarkan Kefahaman Peserta Kajian

Peserta Kajian (PK)	Makna yang difahami	Ayat	Makna Pinggiran Baharu
PK1	masukkan	<i>Penyapu saya laras dengan penyapu jiran.</i>	masukkan
PK2	luruskan	<i>Saya tengah laraskan langsir ini.</i>	
PK3	penjodoh bilangan/ masukkan	<i>Ibu saya membuka pintu rumah dan harus laras dengan kunci itu.</i>	masukkan
PK4	masukkan	<i>Nenek sedang laraskan air ke dalam cerek untuk menjerang air.</i>	masukkan
PK5	lurus	<i>Orang itu salah jalan sepatutnya membelok ke kiri laras.</i>	
PK6	lurus	<i>Adik saya salah jalan sepatutnya adik saya kena laras.</i>	
PK7	samakan	<i>Laraskan kucing itu.</i>	
PK8	samakan	<i>Senapang itu sangat laras.</i>	
PK9	samakan	<i>Amir laraskan pintu itu supaya boleh dikunci.</i>	

Jadual 2 menggambarkan interpretasi makna kata "laras" yang berasal daripada domain makna teras (MT), yang melibatkan aspek sosial-kognitif, serta domain makna pinggiran baharu (MPB), yang berkaitan dengan konteks praktikal dan teknikal. Peserta kajian turut menyatakan makna alternatif bagi kata "laras" yang berkaitan dengan penjodoh bilangan. Analisis konsep *trajektor* (TR) dan titik rujukan (LM) bagi kata "laras" dapat diperhatikan dalam pelbagai konteks penggunaan. TR merujuk kepada entiti utama yang dikenal pasti dalam setiap contoh, seperti langsir (PK2), orang (PK5), adik (PK6), kucing (PK7), senapang (PK8), dan pintu (PK9). LM pula menunjukkan titik rujukan atau keadaan yang menjadi sasaran pergerakan atau perubahan TR, yang melibatkan konsep kelurusan atau keselarasan sebagai matlamat tindakan "melaraskan".

Berdasarkan konsep tersebut, penggunaan kata "laras" dalam domain sosial-kognitif melibatkan dua makna utama. Makna pertama merujuk kepada pembetulan kedudukan fizikal objek atau subjek supaya lurus (PK2, PK5, PK6), manakala makna kedua melibatkan penyamaan atau penyelarasan dengan standard atau keadaan yang diinginkan (PK7, PK8, PK9). Dalam kedua-dua situasi ini, TR mengalami perubahan keadaan untuk mencapai LM yang ditetapkan, sama ada dari segi kelurusan fizikal atau keselarasan dengan kriteria tertentu. Hal ini menunjukkan hubungan dinamik antara TR dan LM dalam domain sosial-kognitif. Selanjutnya, analisis data daripada domain praktikal-teknikal menunjukkan penggunaan kata "laras" yang melibatkan hubungan antara TR dan LM dalam konteks tindakan memasukkan sesuatu. TR merupakan objek yang dimasukkan, seperti penyapu (PK1), kunci (PK3), dan air (PK4), manakala LM adalah destinasi atau tempat TR dimasukkan, seperti penyapu jiran (PK1), pintu rumah (PK3), dan cerek (PK4). Hubungan ini mencerminkan tindakan fizikal memasukkan sesuatu ke dalam atau bersama dengan entiti lain.


Dalam domain praktikal-teknikal, konsep "laras" telah berkembang daripada makna asalnya kepada makna yang lebih spesifik, iaitu tindakan memasukkan. Penggunaan TR dan LM dalam konteks ini menunjukkan pergerakan atau penempatan yang lebih konkrit dan praktikal, kerana TR ialah objek yang bergerak atau dipindahkan, sementara LM menjadi titik destinasi atau

lokasi akhir. Hubungan ruang antara TR dan LM mencerminkan sifat praktikal dan teknikal kata "laras", yang berbeza daripada penggunaannya dalam domain makna teras atau makna pinggir lain.

Berdasarkan skema imej yang dikemukakan oleh Lakoff (1987), skema imej yang mengikat perluasan makna "laras" melalui analisis TR dan LM adalah skema imej LALUAN dan skema imej BEKAS. Skema imej LALUAN merupakan skema utama yang mengikat perluasan makna tersebut. Dalam domain sosial-kognitif, TR (seperti langsir, orang, atau pintu) bergerak melalui laluan abstrak atau konkrit untuk mencapai keadaan LM yang diinginkan, iaitu kelurusan atau keselarasan. Dalam domain praktikal-teknikal, TR (seperti penyapu, kunci, atau air) bergerak melalui laluan fizikal untuk mencapai LM (destinasi) yang ditentukan. Skema ini menunjukkan pergerakan jelas daripada titik permulaan ke titik akhir.


Skema imej BEKAS memainkan peranan penting dalam mengikat perluasan makna "laras", terutamanya dalam domain praktikal-teknikal. Dalam penggunaan "laras" yang bermaksud "masukkan", TR dimasukkan ke dalam LM yang berfungsi sebagai bekas. Contohnya, air yang dilaraskan (dimasukkan) ke dalam cerek, atau kunci yang dilaraskan dengan pintu, menunjukkan hubungan "dalam-luar" yang merupakan ciri utama skema imej BEKAS. Struktur asas skema dapat diperhatikan apabila TR berada di dalam LM selepas tindakan melaraskan dilakukan. Kedua-dua skema imej berfungsi secara bersepadu untuk menjelaskan bagaimana makna "laras" berkembang secara sistematik dalam penggunaannya yang pelbagai.

Kesimpulannya, peluasan makna "laras" yang diikat oleh skema imej LALUAN dan BEKAS menunjukkan unsur kognitif yang jelas dalam perkembangan semantikanya. Kedua-dua skema tersebut membantu menjelaskan pemahaman asas tentang pergerakan dan ruang mempengaruhi cara kita memahami dan menggunakan kata "laras" dalam pelbagai konteks, sama ada secara abstrak dalam domain sosial-kognitif mahupun secara konkrit dalam domain praktikal-teknikal. Berikut ialah profil skema imej LALUAN dan skema imej BEKAS untuk leksikal "laras".



Rajah 4. Skema Imej LALUAN dan Skema Imej BEKAS

Rajah 4 menggambarkan dua skema imej utama yang menjadi asas penggunaan kata "laras" dalam bahasa Melayu. Bahagian atas rajah menunjukkan Skema Imej LALUAN, iaitu *trajektor* (TR), yang dilambangkan dengan bulatan jingga, bergerak melalui laluan yang ditandai oleh anak panah biru untuk mencapai titik rujukan (LM), yang diwakili oleh kotak hijau. Pergerakan ini mencerminkan proses "melaraskan" dalam konteks pembetulan atau penyelarasan, seperti meluruskan langsir atau menyelaraskan pintu. Anak panah biru yang padat menunjukkan laluan yang jelas dan terarah. Sebaliknya, bahagian bawah rajah mengilustrasikan skema imej BEKAS, yang menunjukkan TR bergerak untuk memasuki LM yang berfungsi sebagai bekas, yang digambarkan dengan segi empat tepat bergaris hijau. Anak panah putus-putus biru menandakan pergerakan TR ke dalam bekas, mewakili tindakan "melaraskan" dalam konteks memasukkan sesuatu ke dalam entiti lain, seperti memasukkan kunci ke dalam lubang kunci atau air ke dalam cerek. Petunjuk di sebelah kanan rajah menjelaskan makna setiap elemen visual yang digunakan. Bulatan jingga mewakili TR (entiti yang bergerak atau digerakkan), kotak hijau mewakili *landmark* (destinasi atau sasaran), garisan biru menunjukkan laluan pergerakan dalam Skema LALUAN, dan garisan putus-putus biru menandakan pergerakan ke dalam bekas dalam Skema BEKAS. Penggunaan warna yang berbeza memudahkan pembezaan antara komponen-komponen penting dalam kedua-dua skema imej tersebut.

Leksikal “Kelam”**Rajah 5. Kerangka Jaringan Radial “kelam”**

Rajah 5 mengilustrasikan jaringan semantik bagi leksikal "kelam", yang meliputi tiga kategori makna utama, iaitu makna teras (MT), makna pinggiran (MP), dan makna pinggiran baharu (MPB). Bagi makna teras, terdapat tiga makna yang diklasifikasikan ke dalam dua domain utama. T1 berada dalam domain pencahayaan, yang merujuk kepada keadaan yang kurang terang, manakala T2 dan T3 dikategorikan dalam domain penglihatan atau visual, yang berkaitan dengan situasi penglihatan yang kabur serta keadaan mata yang tidak jelas. Makna pinggiran (MP) pula diwakili oleh domain yang berbeza, iaitu domain teknikal atau pembinaan, yang merujuk kepada P1, iaitu bilah-bilah besi untuk memperkukuh sambungan balak. Domain ini menunjukkan perluasan makna yang jauh berbeza daripada makna teras.

Makna pinggiran baharu (MPB) membentuk domain cuaca, yang meliputi tiga bentuk baharu (B1, B2, B3), iaitu kabus, redup, dan cuaca. Hubungan antara ketiga-tiga kategori makna ini digambarkan melalui garis putus-putus, yang menunjukkan proses perluasan makna daripada MT ke MP, dan seterusnya ke MPB. Perluasan makna tersebut menunjukkan leksikal "kelam" berkembang daripada domain asas pencahayaan dan visual kepada domain teknikal, dan akhirnya kepada domain cuaca. Peluasan ini memperlihatkan evolusi semantik yang progresif dan sistematik. Seterusnya, Jadual 3 memaparkan data yang diperoleh daripada peserta kajian yang menunjukkan kefahaman mereka terhadap makna “kelam”:

Jadual 3. Tafsiran Leksikal “kelam” Berdasarkan Kefahaman Peserta Kajian

Peserta Kajian (PK)	Makna yang difahami	Ayat	Makna Pinggiran Baharu
PK1	gelap	<i>Di persekitaran rumah itu, hari menjadi gelap.</i>	
PK2	gelap	<i>Sekarang ini dah nak kelam bermaksud hari dah nak senja.</i>	

PK3	gelap/ berkabus	<i>Ayah saya mahu balik kerja tetapi langit terlalu</i>	berkabus
PK4	kabur	<i>kelam, jadi ayah harus pulang dengan segera.</i>	
PK5	cuaca	<i>Cuaca pagi ini agak kelam kerana kabus tebal.</i>	
PK6	cuaca	<i>Hari ini waktu petang gelap kerana hujan akan</i>	cuaca
PK7	redup	<i>tiba kelam.</i>	
PK8	cuaca	<i>Hari ini cuaca sangat kelam.</i>	cuaca
PK9	cuaca	<i>Hari ini redupnya.</i>	redup
		<i>Cuaca hari ini sangat kelam.</i>	cuaca
		<i>Kelam di hari ini sangat gelap.</i>	cuaca

Jadual 3 menggambarkan interpretasi makna kata "kelam" yang berasal daripada domain makna teras (MT), yang melibatkan aspek penglihatan atau visual, serta domain makna pinggiran baharu (MPB), yang berkaitan dengan cuaca. Analisis menggunakan konsep *trajektor* (TR) dan titik rujukan (LM) menunjukkan bahawa PK1 dan PK2 merujuk kata "kelam" sebagai keadaan (TR), iaitu suasana "hari". TR berinteraksi dengan LM, iaitu waktu atau masa tertentu, yang menyebabkan perubahan tahap pencahayaan. Dalam PK1, perubahan ini berlaku di persekitaran rumah, manakala dalam PK2, dikaitkan dengan waktu senja. Dalam kedua-dua konteks ini, kata "kelam" menandakan proses pergerakan atau peralihan daripada keadaan terang kepada keadaan yang lebih gelap.


Bagi PK3 dan PK4, konsep TR dan LM menunjukkan hubungan yang berbeza. Data daripada PK3 menunjukkan bahawa "langit" bertindak sebagai TR yang dipengaruhi oleh keadaan gelap atau berkabus (LM), yang memberi kesan kepada tindakan ayah untuk pulang. Sementara itu, bagi PK4, "cuaca" bertindak sebagai TR yang dipengaruhi oleh kehadiran kabus tebal (LM), yang mengakibatkan keadaan menjadi kabur. Dalam kedua-dua kes ini, TR (langit dan cuaca) mengalami perubahan keadaan yang dipengaruhi oleh LM (kegelapan atau kabus), yang menghalang penglihatan atau mengurangkan kejelasan visual. Hal ini menunjukkan leksikal "kelam" beroperasi dalam domain visual dengan TR dan LM yang berbeza, namun masih mengekalkan konsep asas berkaitan pengurangan kejelasan visual.

Berikut ialah analisis yang melibatkan data daripada PK3, PK5, PK6, PK7, PK8, dan PK9, yang berkaitan dengan domain cahaya. Data PK3 dan PK5 menunjukkan hubungan antara TR, iaitu "langit" dan "hari", dengan LM yang merupakan keadaan gelap atau berkabus. Dalam PK3, "langit" sebagai TR berinteraksi dengan keadaan gelap atau berkabus sebagai LM, manakala dalam PK5, TR "hari" berinteraksi dengan LM yang merupakan keadaan gelap yang dikaitkan dengan kedatangan hujan. Kedua-dua contoh ini menunjukkan TR mengalami perubahan keadaan pencahayaan yang dipengaruhi oleh LM yang berbeza.

Analisis TR dan LM bagi PK6 hingga PK9 menunjukkan pola yang konsisten iaitu, "cuaca" dan "hari" bertindak sebagai TR yang dipengaruhi oleh keadaan kelam sebagai LM. PK6, PK8, dan PK9 menunjukkan bahawa "cuaca" dan "hari" sebagai TR berinteraksi dengan keadaan kelam sebagai LM, yang menandakan tahap pencahayaan yang rendah. Bagi PK7, walaupun kata "kelam" tidak digunakan secara langsung, "redup" menunjukkan hubungan yang sama antara TR (hari) dengan LM (keadaan pencahayaan yang berkurangan). Semua contoh ini menggambarkan domain cahaya mempengaruhi interpretasi kata "kelam" melalui interaksi antara TR, yang kebanyakannya merujuk kepada waktu, masa, atau keadaan cuaca, dengan LM yang merujuk kepada tahap pencahayaan.

Dua skema imej yang paling dominan untuk mengikat perluasan makna kata "kelam" berdasarkan analisis TR dan LM ialah skema imej DAYA dan skema imej SKALA. Skema imej DAYA dapat menjelaskan kata "kelam" bertindak sebagai entiti A yang memberi kesan daya kepada entiti B (TR seperti hari, cuaca, dan langit). Berdasarkan logik asas skema ini, apabila keadaan kelam memberi kesan kepada TR, menyebabkan perubahan pada tahap pencahayaan atau kejelasan visual. Sebagai contoh, dalam ayat "langit terlalu kelam", keadaan kelam bertindak sebagai daya yang mengubah keadaan normal langit kepada keadaan yang lebih gelap. Begitu juga dalam konteks "cuaca yang kelam", keadaan kelam bertindak sebagai daya yang mengubah keadaan cuaca normal kepada keadaan yang kurang pencahayaan.

Skema imej SKALA pula mengikat perluasan makna kata "kelam" dari aspek tahap atau darjah kegelapan yang berlaku. Skema ini menunjukkan tahap pencahayaan berubah daripada terang kepada kelam dalam pelbagai darjah. Hal ini dapat diperhatikan dalam penggunaan kata seperti "terlalu kelam" dan frasa yang menunjukkan perubahan seperti "dah nak kelam", yang menandakan pergerakan dalam skala pencahayaan. Penggunaan kedua-dua skema imej ini secara bersamaan dapat menjelaskan konsep "kelam" beroperasi dalam domain pencahayaan dan visual. Skema tersebut bukan sahaja bertindak sebagai daya yang mengubah keadaan, tetapi juga menunjukkan perubahan dalam skala atau tahap pencahayaan. Berikut ialah profil skema imej DAYA dan skema imej SKALA untuk leksikal "kelam".



Rajah 6. Skema Imej DAYA dan Skema Imej SKALA

Rajah 6 menggambarkan integrasi dua skema imej yang menjelaskan konsep "kelam" dari perspektif TR dan LM. Pada bahagian kiri rajah, skema imej DAYA diilustrasikan melalui hubungan antara TR (hari atau cuaca), yang diwakili oleh bulatan berwarna biru muda, dan LM (kelam), yang diwakili oleh bulatan berwarna kelabu. Anak panah yang menghubungkan kedua-dua bulatan tersebut menunjukkan mekanisme daya yang beroperasi, di mana keadaan kelam mempengaruhi keadaan hari atau cuaca. Garisan empat segi di bahagian kiri, yang meliputi skema imej DAYA, menandakan ruang konseptual yang mencakupi interaksi antara

TR (hari/cuaca) dan LM (kelam). Garisan tersebut menentukan sempadan bagi proses kerana daya kelam diterapkan ke atas entiti masa atau cuaca.

Sebaliknya, pada bahagian kanan rajah, skema imej SKALA digambarkan melalui petak kecerunan (*gradient*) yang menggambarkan peralihan bertahap daripada keadaan terang kepada kelam. Skala ini menunjukkan tahap pencahayaan berubah secara progresif, bermula daripada keadaan terang (di bahagian atas) hingga ke keadaan kelam (di bahagian bawah). Garisan empat segi di bahagian kanan, yang meliputi skema imej SKALA, menandakan ruang konseptual yang mencerminkan perubahan tahap pencahayaan, dengan itu membatasi ruang pergerakan daripada keadaan terang kepada kelam agar dapat diukur dan difahami. Secara keseluruhan, rajah ini menerangkan kedua-dua skema imej tersebut berinteraksi untuk menyediakan pemahaman yang menyeluruh tentang konsep "kelam" dalam konteks pencahayaan dan visual.

Perbincangan

Penelitian mengenai leksikal "raut" mendedahkan struktur pemahaman homonim yang rumit. Makna perkataan "raut" berkembang daripada rujukan konkrit (seperti pisau khas) kepada domain persamaan dan tindakan yang lebih abstrak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid Tahun Lima memahami "raut" dalam konteks persamaan fizikal seperti "raut wajah", namun ini merupakan tafsiran homonim yang mencerminkan perluasan makna melalui metafora. Dalam konteks pedagogi semasa, pendidik perlu menggunakan pendekatan semantik kognitif untuk membimbing murid memahami cara skema imej PENGHUBUNG menghubungkan pelbagai makna "raut". Pendekatan berkenaan berupaya memupuk kesedaran metalinguistik yang membolehkan mereka mengenali corak perluasan makna dalam bahasa Melayu secara sistematik. Menurut Christopher Herpel, Franz Sebastian Schwindling, Peter Rammelsberg, dan Jonas Tesar (2023), penggunaan serta pemilihan kata yang tidak jelas dan tidak dapat dibezakan fungsinya berpotensi menyumbang kepada salah faham dan kegagalan dalam menyediakan intervensi yang tepat terhadap sesuatu perkara.

Seterusnya, analisis semantik leksikal "laras" menunjukkan kompleksiti homonim yang ketara dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu (BM) Tahun Lima. Perluasan makna daripada makna teras muzik berkembang kepada domain sosial-kognitif (membetulkan kedudukan) dan domain praktikal-teknikal (memasukkan). Hal ini mencabar pemahaman murid kerana satu perkataan membawa maksud berbeza bergantung pada konteks penggunaannya. Normiati Batjo dan Abdul Said Ambotong (2019) menyatakan bahawa kualiti pengajaran pendidik merupakan penentu utama keberhasilan murid. Pernyataan ini bermaksud bahawa peranan guru sebagai penyampai ilmu secara berkesan tetap menjadi fokus utama dalam menghasilkan pengajaran dan pemudahcaraan yang efektif. Bagi menjelaskan kekeliruan antara makna "luruskan", "masukkan", dan "samakan", strategi pengajaran yang sistematik melalui skema imej LALUAN dan skema imej BEKAS adalah penting untuk membantu murid memahami perkaitan kognitif antara makna tersebut.

Pendidik perlu memanfaatkan platform digital interaktif yang mengintegrasikan visualisasi dan simulasi skema imej untuk membantu murid menguasai konsep homonim secara lebih efektif. Menurut Nur Hafizah M. Razali dan Amir Hamzah Ya'akub (2022), penguasaan kemahiran teknologi multimedia membolehkan pendidik mempelbagaikan teknik pengajaran dengan tidak bergantung semata-mata kepada kaedah tradisional seperti penggunaan buku teks, memenuhi

tuntutan Pembelajaran Abad ke-21 yang menekankan kemahiran berfikir kritis dan pemahaman mendalam serta merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Akhir sekali, leksikal "kelam" menampilkan tafsiran homonim yang kurang kompleks berbanding "laras", namun tetap mencabar dari aspek pengajaran kerana evolusi semantik daripada domain pencahayaan kepada domain cuaca dan visual. Kajian menunjukkan bahawa responden sering mengaitkan "kelam" dengan makna asas "gelap", tetapi menghadapi kesukaran membezakan penggunaannya dalam konteks cuaca berbanding keadaan pencahayaan semata-mata. Penggunaan skema imej DAYA dan skema imej SKALA dalam analisis semantik membuktikan potensi pendekatan kognitif untuk menjelaskan "kelam" berfungsi sebagai entiti yang mempengaruhi persekitaran visual dan cuaca. Implementasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran leksikal "kelam" melalui platform digital yang menyediakan simulasi perubahan cuaca dan pencahayaan dapat meningkatkan kefahaman murid secara visual dan interaktif, memenuhi aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan pembelajaran digital yang holistik dan inovatif. Seiring dengan itu, pemanfaatan Kecerdasan Buatan (AI), menurut Budi Sulistiyo et al. (2024), kemajuan teknologi terbukti mampu meningkatkan minat dan perhatian murid, mendorong maklum balas, memberikan pengalaman pembelajaran yang intelektual, membantu perkembangan literasi, serta kemahiran berfikir pada tahap tinggi.

Singh dan Mishra (2016) menyatakan bahawa faktor seperti memori, tumpuan, penghayatan terhadap bahan, kemampuan linguistik, dan keupayaan memahami bahasa turut menyumbang kepada kefahaman. Pernyataan ini selari dengan Schmitt (2020), yang menekankan bahawa pengetahuan leksikal merupakan teras kecekapan komunikasi dan penguasaan bahasa. Chew Fong Peng dan Saidatul Aliah Amir (2023), menyatakan bahawa isu penguasaan kemahiran berbahasa, seperti kekeliruan dan kelemahan dalam kemahiran membaca serta menulis, masih wujud di peringkat sekolah rendah, justeru pemahaman makna akan menjadi lebih sukar tanpa pendekatan kognitif yang masih belum dikaji dengan lebih mendalam.

Kesimpulan

Analisis semantik kognitif terhadap tiga leksikal homonim dalam Buku Teks Bahasa Melayu (BM) Sekolah Kebangsaan Tahun Lima, iaitu "raut", "laras", dan "kelam", mendedahkan kompleksiti perluasan makna yang mencabar penguasaan murid. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana dan memerlukan intervensi pengajaran yang lebih efektif. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pemahaman homonim memerlukan kerangka konseptual yang kukuh melalui pendekatan Teori Semantik Kognitif, khususnya penggunaan konsep *trajektor-landmark* dan skema imej. Dapatan mendedahkan bahawa responden mampu mengenal pasti makna asas sesuatu leksikal, namun menghadapi kesukaran membezakan penggunaannya dalam konteks berbeza, terutamanya apabila makna telah mengalami perluasan metafora daripada domain konkrit kepada domain abstrak. Kekeliruan ini berpunca daripada penguasaan kosa kata yang terhad, kurangnya pendedahan kepada pelbagai konteks penggunaan, dan kaedah pengajaran konvensional yang tidak mengintegrasikan pendekatan semantik kognitif secara sistematik. Implikasi pedagogi kajian ini menekankan keperluan kritikal bagi pendidik melaksanakan strategi pengajaran yang berasaskan pendekatan semantik kognitif untuk membantu murid memahami peluasan makna homonim secara sistematik. Pengintegrasian teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengajaran leksikal dapat menyediakan visualisasi dan simulasi skema imej yang interaktif, dengan itu meningkatkan kefahaman murid secara visual dan kontekstual seiring dengan tuntutan Pembelajaran Abad ke-21. Selain itu, pemupukan minat membaca yang kukuh merupakan asas penting untuk

memastikan murid terdedah kepada pelbagai konteks penggunaan leksikal homonim, lantas membina kesedaran metalinguistik yang membolehkan mereka menguasai kekayaan semantik bahasa Melayu. Kesiediaan pendidik dalam memilih kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdP) yang sesuai, terutamanya yang mengintegrasikan pendekatan kognitif dan teknologi multimedia, adalah kritikal bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan memastikan murid menguasai kemahiran berbahasa secara efektif dalam era globalisasi.

Penghargaan:	Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris atas kemudahan dan sokongan sepanjang kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih kepada Dr. Nur Farakhanna binti Mohd Rusli yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berterusan sepanjang penyelidikan dijalankan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua responden yang terlibat, semua guru Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah surat rujukan KPM.BT.700-30/22.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, nombor rujukan KPM.600-3/2/3-eras(19416). Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Kajian ini dilaksanakan melalui kerjasama erat antara kedua-dua penulis. Semua penulis terlibat secara aktif dalam perancangan, pelaksanaan, pengumpulan dan analisis data, serta pentafsiran dapatan kajian. Selain itu, kedua-dua penulis turut menyumbang secara signifikan dalam penambahbaikan dan penyediaan manuskrip, serta telah membaca dan meluluskan versi akhir sebelum penyerahan.

Rujukan

- Caitlin A Rice, Barend Beekhuizen, Vladimir Dubrovsky, Suzanne Stevenson & Blair C Armstrong. (2019). A comparison of homonym meaning frequency estimates derived from movie and television subtitles, free association, and explicit ratings. *Behavior research methods*, 51(3):1399–1425
- Chew Fong Peng & Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap penguasaan kemahiran literasi lmenulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu: Level of literacy in writing skills in the Malay language among year one pupils. *PENDETA*, 14(1), 74–87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Christopher Herpel, Franz Sebastian Schwindling, Peter Rammelsberg & Jonas Tesar. (2023). A functional problem-on a linguistic ambiguity in dentistry. *Journal of oral rehabilitation*, 50(9), 914–917. <https://doi.org/10.1111/joor.13518>
- Budi Sulistiyo Jati, Mutaqin Akbar & Indah Susilawati. (2024). Pemanfaatan teknologi kecerdasan buatan untuk guru kinderstation school. *SELAPARANG: Jurnal Pengabdian Masyarakat Berkemajuan*, 8(3): 2223-2230.
- Erik Santoso. (2020). Ambiguitas pada judul berita surat kabar Suara Merdeka edisi September - Oktober 2019 dan implikasi terhadap pembelajaran bahasa Indonesia di SMA, Indonesia: Skripsi.Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan. Universitas Pancasakti Tegal.
- Lakoff, G. (1987). Image metaphors. *Metaphor and Symbol*, 2(3), 219-222.
- Maria Kaltsa, Anthoula Tsolaki, Despina Papadopoulou, Lanthi Maria Tsimpli & Magda Tsolaki. (2023). Eliciting evidence on linguistic perspectives for subjective cognitive impairment, mild cognitive impairment and alzheimer's disease: A cross-sectional study. *Alzheimer'sDement.*, 19: e076053.
- Muhamad Naufal Badarudin, Harun Baharudin & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2021). Keberkesanan Strategi Pemerolehan Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Teknologi Multimedia Penceritaan Digital dan Lakonan. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. EISSN2600-769X, 4(1), 20-39.
- Muhammad Saibani Wiyanto. (2022). Semantic Perspective on Lexical Ambiguity in English Textbook. *English Education: Journal of English Teaching and Research*, 7(1), 80-95.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotong. (2019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Science and Humalities*, 4(2), 30-42. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i2.189>
- Nur Hafizah M. Razali & Amir Hamzah Ya'akub (2022). Penggunaan budi piamen dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan Men- dalam kalangan murid tahun 4 arif. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*. 499-515.
- Reem Ibrahim Rabadi. (2015). Adult L2 learners need a reading comprehension test: Is it a C-test or a cloze test. *International Journal of Linguistics*, 7(5), 68-85.
- Schmitt, Norbert & Diane Schmitt. (2020). *Vocabulary in language teaching*. Cambridge university press.
- Singh Shilpa1, Mishra Sunita. (2016). Positive influence of the multimedia in primary education. *The International Journal of Indian Psychology* 2016, 3(2), 179-183.
- Ullman & Stephen, (2007). *Pengantar semantik*: Pustaka Pelajar.
- Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik* Vol. 24 (1) Jun 2020 (033-050).